

18 OCT 2001

PARLIMEN: RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN LULUS

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat malam ini meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001)(No.2) 2001 yang memohon peruntukan membiayai perbelanjaan tambahan perkhidmatan berjumlah RM1,537.8 juta.

Serentak dengan itu, dewan juga meluluskan usul anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan sebanyak RM4,316.4 juta.

Pada peringkat dasar, 15 anggota mengambil bahagian dalam perbahasan yang antaranya menyentuh isu-isu keganasan, Amerika-Afghanistan, pilihan raya negeri Sarawak dan negara Islam.

Rang undang-undang dan usul itu dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Salleh pada Selasa lepas dan dibahaskan selama tiga hari di peringkat dasar dan peringkat jawatankuasa.

Persidangan Dewan akan disambung 4 petang esok bagi pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI